

SULIT
3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
Ogos
2018
2 ½ jam

3756/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2018

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab *semua* soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.
3. Tulis jawapan anda pada **Kertas Helaian Tambahan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
4. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
5. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.
8. Semua kertas jawapan hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1 (a) Nyatakan bilangan maksimum pekongsi bagi perkongsian biasa dan perkongsian profesional. [2 markah]

- (b) Nyatakan catatan kontra bagi akaun-akaun berikut:

Akaun	Catatan Kontra
Akaun Kenderaan	
Akaun Belum Terima	

[2 markah]

- (c) Perniagaan Suriati membayar RM3 300 dengan cek kepada Pembekal Ali Baba untuk menjelaskan hutang sebanyak RM3 500. Nyatakan akaun-akaun yang terlibat.

Akaun yang didebitkan	Akaun yang dikreditkan

[3 markah]

- (d) Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Kebajikan Taman Seroja.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Yuran belum terperoleh pada 1 Januari 2017 adalah RM340 ▪ Yuran yang diterima sepanjang tahun 2017 adalah RM3 460 |
|--|

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

[3 markah]

- 2 Darwish dan Daniel adalah rakan kongsi dalam Da'Wish & Co. Perjanjian perkongsian mereka adalah seperti berikut:

Faedah atas modal	12% setahun
Gaji Darwish	RM500 sebulan
Gaji Daniel	RM400 sebulan
Faedah atas pinjaman	8% setahun
Kongsi untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal tetap.	

Imbangan Duga pada 30 Jun 2018

	Debit	Kredit
	RM	RM
Perabot (Nilai buku bersih)	22 500	
Premis	50 000	
Akaun Belum Terima	6 500	
Akaun Belum Bayar		3 330
Bank	10 840	
Tunai	410	
Inventori pada 1 Julai 2017	13 090	
Peruntukan Hutang Ragu		420
Belian dan Jualan	82 856	130 400
Angkutan masuk	4 250	
Komisen		3 840
Gaji	6 420	
Kadar bayaran	1 034	
Insurans	1 800	
Gaji Darwish	6 000	
Gaji Daniel	5 800	
Modal pada 1 Julai 2017:		
Darwish		30 800
Daniel		46 200
Akaun Semasa pada 1 Julai 2017:		
Darwish	870	
Daniel		1380
Ambilan:		
Darwish	15 000	
Daniel	4 000	
Pinjaman Darwish		15 000
	231 370	231 370

Maklumat tambahan:

- i) Inventori pada 30 Jun 2018 bernilai RM13 550.
- ii) Terimaan komisen untuk setahun bermula 1 April 2018.
- iii) Kadar bayaran belum bayar RM100.
- iv) Insurans dibayar untuk setahun berakhir 31 Ogos 2018.
- v) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 5% daripada Akaun Belum Terima.
- vi) Perabot dibeli pada 1 Julai 2016 dengan kadar susut nilai 10% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan.
- vii) Gaji pekerja RM1 000 telah direkod dalam gaji Daniel.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2018. [12 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2018. [4 markah]
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2018. [9 markah]

- 3 Syarikat Perkilangan GapoEver adalah pengeluar kasut. Berikut adalah butiran yang diambil daripada syarikat tersebut pada 31 Disember 2017.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Inventori bahan langsung	6 170	6 130
Kerja dalam proses	1 350	410
Inventori barang siap	3 120	5 430
Alat-alat kecil kilang	1 350	1 040
	RM	
Belian bahan langsung	51 380	
Belian alat-alat kecil	1 720	
Pulangan belian	2 355	
Angkutan masuk	1 760	
Gaji operator kilang	22 325	
Gaji pengurus kilang	12 400	
Insurans	8 000	
Kadar bayaran	10 000	
Pulangan jualan	3 200	
Gas dan bahan bakar kilang	5 435	
Jualan	190 200	
Sewa	6 700	
Loji dan mesin (kos)	84 000	
Susut nilai terkumpul loji dan mesin	12 800	
Penyelenggaraan kilang	8 160	
Peralatan kilang (kos)	32 000	
Bayaran royalti	10 470	
Belanja memperbaiki alatan dan mesin	3 160	

Maklumat tambahan:

- (i) Pemilik belum membayar gaji operator kilang sebanyak RM1 970.
- (ii) Belanja penyelenggaraan kilang RM350 termasuk untuk bulan Januari 2018.
- (iii) Kadar bayaran masih berbaki RM2 000.
- (iv) Nota kredit berjumlah RM455 daripada pembekal bahan mentah belum direkod.
- (v) Agihan perbelanjaan bagi kilang dan pejabat adalah seperti berikut:

	Kilang	Pejabat
	%	%
Sewa	70	30
Insurans	80	20
Kadar bayaran	90	10

- (vi) Loji dan mesin disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vii) Peralatan kilang disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 [19 markah]
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 [6 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab dua soalan sahaja

- 4 Puan Atia Haniea menjalankan Perniagaan Madu Atia. Beliau dibantu oleh 2 orang pekerja yang dibayar gaji bulanan RM1 200 seorang. Berikut maklumat yang diperoleh pada 1 Februari 2018.

	RM
Tunai di tangan	800
Tunai di bank	20 000
Inventori	10 000

Anggaran penerimaan dan pembayaran adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah jualan Januari RM25 000 dan dijangka meningkat 20% pada bulan berikutnya. Nisbah jualan tunai dan kredit 3:1 dengan tempoh kredit 1 bulan.
- (ii) Jumlah belian adalah 60% daripada jualan bulanan di mana 3/4 daripada belian adalah secara kredit. Tempoh kredit 2 bulan.
- (iii) Perniagaan bercadang membuat pinjaman pada bulan Februari sebanyak RM50 000 untuk pengubahsuaian premis dengan kadar faedah 4% setahun. Bayaran balik 5 tahun, bermula bulan Mac.
- (iv) Kadar bayaran dan Insurans berjumlah RM700 dan RM1 500 setiap bulan.
- (v) Pada bulan Mac seorang pekerja dinaikkan gaji sebanyak 20%.
- (vi) Sebuah mesin daftar tunai RM1 200 dibeli pada bulan Februari secara kredit. Pendahuluan sebanyak RM500 dibayar dan baki akan dijelaskan dalam tempoh dua bulan berikutnya.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 April 2018. Anda hendaklah menggunakan format Penyata Belanjawan Tunai di **Lampiran A**.

[20 markah]

5 (a) Berikut maklumat modal berdaftar yang diperolehi daripada Zikry Muslim Berhad.

500 000 unit 8% Syer Keutamaan RM1 000 000
1 000 000 unit Syer Biasa RM2 000 000

Pada 1 Januari 2017, syarikat telah menerbitkan 450 000 unit 8% Syer Keutamaan dan 700 000 unit Syer Biasa pada nilai tara kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Lembaga pengarah syarikat telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- Membayar Dividen Interim 5% kepada pemegang Syer Keutamaan pada 30 Jun 2017.
- Mengisytiharkan Dividen Akhir 8 sen sesyer kepada pemegang Syer Biasa dan Syer Keutamaan pada 31 Disember 2017.

Anda dikehendaki menghitung dan merekodkan:

- | | |
|--|-------------|
| i. Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh | [2 markah] |
| ii. Dividen Interim Syer Keutamaan | [1 markah] |
| iii. Jumlah Dividen Akhir | [2 markah] |
| iv. Terbitan syer dalam Jurnal Am
(keterangan tidak diperlukan) | [5 markah] |

- (b) Cik Laila, seorang peniaga runcit tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Berikut adalah maklumat aset dan liabiliti.

	1 Jun 2017	31 Mei 2018
	RM	RM
Lengkapan	17 000	?
Kenderaan	30 000	30 000
Akaun Belum Terima	10 500	13 200
Akaun Belum Bayar	5 800	7 550
Bank	25 600	28 100
Pinjaman (Matang pada 31 Disember 2030)	15 000	13 000
Inventori	7 850	9 550

Maklumat Tambahan:

- i. Pada 1 Disember 2017, pemilik membawa masukengkapan peribadi bernilai RM5 000 ke dalam perniagaan. Lengkapan disusut nilai pada kadar 5% setahun atas kos.
- ii. Pemilik membuat ambilan inventori bernilai RM240 setiap hujung bulan.
- iii. Salah seorang penghutang telah diisytiharkan muflis pada 31 Mei 2018 dan hutangnya berjumlah RM500 dihapuskan sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum direkodkan di dalam mana-mana buku.
- iv. Peruntukkan hutang ragu sebanyak 4% ke atas Akaun Belum Terima hendaklah diwujudkan.
- v. Pada akhir tempoh perakaunan, perniagaan menerima sewa belum terperoleh sebanyak RM250.
- vi. Faedah atas pinjaman dikenakan 7% setahun atas baki pinjaman dan nilai ini belum dijelaskan.
- vii. Kenderaan dibeli pada 1 Jun 2017 dan dijangka diguna pakai selama 10 tahun. Pada akhir tempoh usia penggunaan, kenderaan tersebut boleh dijual semula pada nilai RM5 000.


Anda dikehendaki menyediakan:

- i. Penyata Mengira Modal pada 31 Mei 2018 [7markah]
- ii. Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2018 [3 markah]

6 (a) Imran Basri memulakan perniagaan atas talian dengan mengambil tempahan membuat tart telur. Beliau telah mendapatkan bekalan bahan tart telur seperti berikut:

Bil	Butiran	Kuantiti	Harga (RM)
1	Mentega	250 gram	5.00
2	Gula Aising	500 gram	2.50
3	Telur Gred A	30 biji	11.25
4	Tepung Gandum	1 kilogram	3.00
5	Gula	1 kilogram	3.00
6	Susu sejat	1 tin/400 gram	3.00

Berikut adalah resepi untuk menghasilkan 15 biji tart telur.

	<p><u>Resepi Tart Telur</u></p> <p><i>125 gram mentega</i> <i>100 gram gula aising</i> <i>250 gram gula</i> <i>8 biji telur gred A</i> <i>250 gram tepung gandum</i> <i>100 gram susu sejat</i></p>
--	---

Kos lain yang terlibat ialah:

Kos	(RM)
Elektrik	50.00
Air	10.00
Bil telefon	40.00

Kirakan:

- (i) Kos berubah seunit. [3 Markah]
- (ii) Kos tetap. [1 Markah]
- (iii) Titik pulang modal jika harga jualan tart telur RM2.55 sebiji [2 Markah]
- (iv) Titik pulang modal yang baru jika jumlah kos tetap meningkat RM50. [2 Markah]
- (v) Berdasarkan soalan (iv) berapakah bilangan biji tart telur yang perlu dijual jika Imran mensasarkan keuntungan sebanyak RM2 500. [2 Markah]

(b) Encik Haziq Osyraff adalah pengurus kewangan Perniagaan Sarjana. Bermula pada bulan Jun 2018, beliau telah memutuskan untuk mengguna pakai Sistem Panjar. Ketua Juruwang hanya akan memberikan wang peruntukan sebulan sekali iaitu pada setiap awal bulan. Pada 1 Jun 2018, cek sebanyak RM250 untuk membiayai belanja runcit pada bulan tersebut telah diberi kepada Cik Farhani, kerani akaun Perniagaan Sarjana.

2018		RM
Jun	4 Kalkulator	17
	7 Tambang	25
	12 Sampul surat	2
	15 Alas meja dan pewangi pejabat	60
	16 Membeli sebuah mesin pencetak	280
	23 Gula, kopi dan milo	63
	27 Parkir	5

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 30 Jun 2018 dengan menunjukkan lajur alat tulis, belanja perjalanan dan belanja pejabat. (Tunjukkan bayaran balik pada 1 Julai 2018). Anda hendaklah menggunakan Buku Tunai Runcit di **Lampiran B**.

[10 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT